

**[THE ARGUMENT AND PERCEPTION OF ULAMA' TOWARDS AL-I'JAZ AL-I'LMI
METHODOLOGY IN QURANIC VERSES EXEGESIS]****PERSELISIHAN DAN PERSEPSI ULAMA' TERHADAP METODE AL-I'JAZ AL-I'LMI DI
DALAM MENTAFSIRKAN AYAT-AYAT AL-QURAN**WAN HELMY SHAHRIMAN WAN AHMAD¹¹ Akademi Pengajian Kontemporari Islam (ACIS), UiTM Terengganu, Malaysia.
Email: wanhelmy@uitm.edu.my

*Received: 3 January 2021**Accepted: 15 February 2021**Published: 22 March 2021*

Abstract

The method of *al-i'jaz al-i'lmi* means scientific or scientific facts in the *Qur'an* that have been widely discussed by scholars past and present. There are almost 750 verses of the *Qur'an* that touch on the concept of this scientific phenomenon. Even so, there are still many scientific secrets that have not been revealed. This concept is also a dispute among scholars in placing a guideline for Islamic scholars who want to study related verses of the *Qur'an* and the development of current science. The guidelines presented are intended so that Islamic scholars do not deviate from the teachings of *aqeedah* and affect the glory of the meaning of the verses of the *Qur'an*. This disagreement has given rise to various perceptions among scholars on this concept. This paper attempts to survey to know and take a closer look at the opinions and stances of local religious figures despite the differences that arise among scholars when discussing the method of *al-I'jaz al-i'lmi*. This writing is the result of a study that uses a qualitative research approach and research methods on discourse texts. The findings of this study found that scholars' disagreement on this concept leads to three perceptions. Scholars who take the approach of rejecting, scholars who approach widely accept and groups of scholars who take a simple approach by placing specific conditions in discussing and interpreting the verses of the *Qur'an* based on the method of *al-I'jaz al-i'lmi*.

Keywords: Method, *al-I'jaz al-i'lmi*, *Al-Quran*, Perception, scholars.

Abstrak

Metode *al-i'jaz al-i'lmi* bermaksud fakta-fakta ilmiah atau saintifik di dalam *al-Quran* yang telah banyak diperbincangkan oleh para ulama silam dan masa kini. Terdapat hampir 750 ayat *al-Quran* yang menyentuh tentang konsep fenomena saintifik ini. Walaupun begitu, sehingga kini masih banyak lagi rahsia saintifik yang belum terbongkar. Konsep ini juga menjadi perselisihan di kalangan ulama dalam meletakkan satu garis panduan kepada ilmuwan Islam yang ingin mengkaji berkaitan ayat-ayat *al-quran* dan perkembangan sains semasa. Garis panduan yang dikemukakan adalah bertujuan agar ilmuwan Islam tidak terpesong dari ajaran *aqidah* dan menjelaskan kemulian maksud pada ayat-ayat *al-Quran*. Perselisihan ini sehingga melahirkan persepsi yang pelbagai dalam kalangan ulama terhadap konsep ini. Penulisan ini cuba meninjau untuk mengetahui dan melihat secara lebih dekat pendapat dan pendirian tokoh-tokoh agama tempatan disebalik perselisihan yang timbul dalam kalangan

ulama apabila membincangkan metode al-I'jaz al-i'lmi. Penulisan ini adalah hasil kajian yang menggunakan pendekatan kajian kualitatif dan metode kajian penelitian terhadap teks wacana. Dapatkan kajian ini mendapat perselisihan ulama terhadap konsep ini membawa kepada tiga persepsi. Ulama yang mengambil pendekatan menolak, ulama yang berpendekatan menerima secara meluas dan kelompok ulama yang mengambil pendekatan serderhana dengan meletakkan syarat-syarat khusus dalam membincangkan dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan metode al-I'jaz al-i'lmi.

Kata Kunci: Metode, al-I'jaz al-i'lmi, Al-Quran, Persepsi, ulama.

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan salah satu daripada mukjizat yang dikurniakan Allah SWT kepada rasulNya yang terakhir nabi Muhammad SAW. Kehebatannya terus berkekalan sejak lebih kurang 1400 tahun yang lalu sehingga ke hari kiamat. Antara hikmahnya ialah agar umat manusia pada akhir zaman ini dapat menguatkan lagi keimanan mereka terhadap agama suci ini secara amnya dan kebenaran kitab Allah SWT khasnya. Bahkan, bagi mereka menjalani kehidupan di muka bumi ini berpandukan kepada kitab suci tersebut demi mencapai kebahagian di dunia dan akhirat.

Kehebatan dan kemukjizatan al-Quran bolehlah diklasifikasikan kepada beberapa aspek. Antaranya aspek bahasa, syariat dan keilmuan yang mustahil ditandingi oleh manama makhluk ciptaan Allah SWT di alam ini. Dari aspek bahasa, para ulama telah banyak membahaskannya di dalam karya mereka. Antara perkara yang di sentuh ialah gaya bahasa yang digunakan, susunan ayatnya, pemilihan perkataan yang tepat, keseragaman ayat-ayat dan sebagainya yang berkaitan di dalam al-Quran. Dari aspek syariat pula, didapati bahawa pensyariatan sesuatu hukum di dalam al-Quran amat tepat dan sesuai sekali tidak kira waktu dan tempatnya. Terdapat pelbagai hikmah dan rahsia yang terselindung di sebalik setiap suruhan dan larangan Allah SWT. Semuanya mendatangkan kebaikan kepada umat manusia samada di dunia mahupun di akhirat. Manakala dari aspek keilmuan atau saintifik yang terdapat di dalam al-Quran juga telah banyak diperbincangkan oleh para ulama silam dan masa kini.

Namun begitu, sehingga kini masih banyak lagi rahsia keilmuan yang belum mampu dibongkarkan. Bagi memberi kefahaman yang lebih jelas tentang keagungan al-Quran disamping menambahkan lagi keimanan kepada Allah SWT, penulisan ini cuba untuk mengupas salah satu aspek mukjizat kitab suci ini iaitu yang berkaitan dengan kandungan ilmunya atau yang disebut di dalam bahasa Arab sebagai al-i'jaz al-i'lmi.

Apabila diteliti dalam perbahasan ulama tentang metode al-i'jaz al-i'lmi ini, timbul perselisihan dalam kalangan ulama Islam sehingga mewujudkan beberapa kelompok atau golongan tertentu berdasarkan pendirian dan persepsi masing-masing. Justeru, penulisan ini cuba meneliti, mengumpul dan menganalisis titik perselisihan dalam kalangan ulama serta meneliti garis-garis panduan yang diketengahkan dalam perbincangan berkaitan metode al-i'jaz al-i'lmi ini. Penulisan hasil kajian pendekatan kualitatif dengan menguna pakai metode kajian penelitian terhadap teks wacana dan metode analisis induktif ini adalah berobjektifkan kepada,

- i. Menganalisis persepsi serta titik perselisihan di sebalik perbahasan dalam kalangan ulama Islam terhadap metode al-i'jaz al-i'lmi.

- ii. Meneliti garis panduan dan syarat yang diketengahkan oleh ulama dalam membincangkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan metode al-i'jaz al-i'lmi.

Istilah Al-I'Jaz Al-I'lmi Menurut Pandangan Ulama

Al-i'jaz al-i'lmi terdiri dari dua kata dasar iaitu al-i'jaz dan al-i'lmi. Perkataan al-I'jaz secara etimologi bermakna tidak berkemampuan dan melemahkan. Manakala perkataan al-i'lmi yang kerap digunakan di dalam al-Quran membawa maksud pengetahuan umum (knowledge), termasuk untuk sains dan ilmu-ilmu kemanusiaan (sciences of nature and humanities).

Perkataan al-I'jaz adalah merupakan kata terbitan dari kata kerja a'jaza (أَعْجَزَ) yang diambil dari kata dasar 'ajaza (عَجَزَ). Merujuk kepada beberapa kamus Arab, kata kerja a'jaza (أَعْجَزَ) membawa kepada beberapa maksud iaitu al-dha'f (الضَّعْفُ) yang membawa erti kelemahan, al-sabq (السَّبْقُ) yang membawa erti mendahului dan mu'akhkir al-shay' (مُؤَخِّرُ الشَّيْءِ) yang membawa erti di hujung sesuatu (Ibn Manzur, 1993). Perkataan ini juga membawa makna bagi menetapkan ketidakmampuan untuk mendatangkan sesuatu yang menyamainya al-Quran apabila dicabar (al-Zarqani, 1998).

Akan tetapi perkataan i'jaz (إِعْجَزَ) tidak terdapat di dalam al-Quran mahupun di dalam hadis-hadis Nabi SAW. Namun begitu, perkataan yang lahir dari kata dasar 'ajaza (عَجَزَ) telah disebut sebanyak 26 kali di dalam al-Quran. Walaupun terdapat pelbagai maksud bagi perkataan al-I'jaz dari sudut bahasa, namun begitu kesemuanya menjurus kepada maksudnya yang utama iaitu al-dha'f (الضَّعْفُ) yang membawa erti kelemahan atau yang melemahkan (Md Nor Abdullah, 2009).

Manakala dari sudut bahasa perkataan al-i'lmi pula merupakan bentuk kata dasar (عِلْمٌ، يَعْلَمُ، عَلَمَ) yang bermaksud (عِلْمٌ، يَعْلَمُ، عَلَمَ) iaitu mengetahui atau memahami (Luwīs dan Bernand, 2003). Perkataan al-i'lmi ini juga berbentuk kata nisbah iaitu yang berfungsi untuk merumpunkan sesuatu dengan kelompoknya, dengan penambahan huruf (ي) pada akhir perkataan (عِلْمٌ) sehingga menjadi (عَلَمِي) yang membawa maksudnya (مَتَعَلِّمٌ بِعِلْمٍ مَا أَوْ بِالْعِلْمِ) iaitu berhubungan dengan suatu ilmu. Justeru itu, perkataan al-i'lmi ini jika dirangkaikan dengan perkataan al-i'jaz maka akan membentuk istilah (إِعْجَازُ عِلْمٍ) yang bererti mukjizat ilmiah (Luwīs, 2007).

Di dalam al-Quran, perkataan al-i'lmi juga digunakan untuk pengetahuan yang di wahyukan (revealed) termasuklah juga digunakan untuk pengetahuan yang diperolehi di luar lingkungan wahyu (acquired). Dengan demikian, berdasarkan pandangan al-Quran, terminologi bagi perkataan ilmu, tidak terbatas hanya pada ilmu-ilmu agama saja, bahkan meliputi segala bentuk ilmu pengetahuan. Sama ada ilmu alam semesta, ilmu sosial, ilmu kemanusiaan dan lain-lain ilmu yang dapat digunakan untuk kepentingan kehidupan umat manusia (Abdul Mustaqim, 2012).

Menurut Mazlan Ibrahim (2002), pengertian perkataan al-i'lmi ataupun sains dari sudut etimologi ialah ilmu pengetahuan yang teratur dan bersistematik yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Perkatan al-i'lmi juga sesuai dimaksudkan dengan ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata seperti fizik, kimia dan biologi. Antara maksud perkataan al-i'lmi atau sains yang lain dan popular ialah,

- i. Ilmu pengetahuan yang bersistem yang berasaskan kepada cerapan, kajian eksperimen atau uji kaji dan sebagainya.
- ii. Analisis fenomena secara bersistem dan berobjektif dengan kaedah yang khusus untuk menghasilkan penemuan yang boleh dipercayai berdasarkan kesahihannya.

Pada pandangan Sulaiman (1993) pula, perkataan al-i'lmi atau sains ini boleh dirumuskan, bahawa satu kumpulan ilmu yang tersusun dan teratur berkaitan dengan fenomena-fenomena di dalam alam ciptaan Allah SWT yang bernyawa dan tidak bernyawa. Susunan yang terhasil dengan kaedah yang objektif melalui kajian eksperiman dan cerapan untuk menghasilkan prinsip-prinsip dan kenyataan yang boleh dipercayai dan boleh diuji kebenarannya.

Perbincangan dari sudut terminologi pula, Nor Ichwan (2004) menyatakan pengertian al-I'jaz al-i'lmi adalah sebagai usaha memahami ayat-ayat al-Quran dengan menjadikan penemuan-penemuan sains moden sebagai alat bantunya. Ayat al-Quran yang dimaksudkan di sini, adalah teks al-Quran yang secara khusus membicarakan tentang fenomena alam ciptaan Allah SWT atau yang biasa dikenal sebagai al-ayat al-kawniyyah. Justeru, yang dimaksud dengan al-I'jaz al-i'lmi adalah suatu ijтиhad atau usaha keras seseorang mufassir dalam mengungkapkan hubungan ayat-ayat al-kawniyyah di dalam al-Quran dengan penemuan-penemuan sains moden yang bertujuan untuk memperlihatkan kemukjizatan al-Quran.

Di dalam beberapa literatur lain, pengertian al-I'jaz al-i'lmi adalah suatu metode tafsir yang menggunakan pendekatan teori-teori ilmiah untuk menjelaskan ayat-ayat al-Quran. Al-Zahabi (1989) menjelaskan, al-I'jaz al-i'lmi adalah suatu metode pentafsiran yang mengukuhkan keterangan atau istilah-istilah ilmiah yang terkandung pada perumpamaan-perumpamaan yang terdapat di dalam al-Quran yang akhirnya melahirkan pelbagai bentuk ilmu pengetahuan dan teori-teori falsafah. Dengan kata lain, al-I'jaz al-i'lmi disamping sebagai alat justifikasi dan mengkompromikan teori-teori ilmu pengetahuan dengan al-Quran, juga bertujuan untuk mendeduksikan teori-teori ilmu pengetahuan dari ayat-ayat al-Quran itu sendiri.

Selain itu, al-i'lmi atau ilmiah juga didefinisikan sebagai tafsir yang penulisnya hendak memperjelaskan petunjuk-pentunjuk yang terdapat pada ayat al-Quran pada teori-teori dan terminologi-terminologi ilmiah. Penulisnya berusaha sekutu tenaga untuk menggali pelbagai penemuan sains dan pandangan-pandangan falsafah dari pentunjuk yang ada di sebalik ayat al-Quran tersebut (Abd al-Majid, 1973).

Selain al-I'jaz al-i'lmi, metode tafsir ini juga dikenali dengan istilah al-I'jaz al-kawniyyah. Perkataan al-kawniyyah berasal dari kata dasar (الكون) yang boleh dimaksudkan sebagai yang dijadikan, makhluk dan alam semesta. Berdasarkan kepada makna dari sudut bahasa tersebut, al-I'jaz al-kawniyyah dapat didefinisikan sebagai usaha untuk memberi pentafsiran yang bersifat ilmu pengetahuan kepada ayat-ayat al-Quran. Al-I'jaz al-kawniyyah menggunakan penemuan-penemuan ilmiah untuk mentafsirkan makna dan maksud dari suatu ayat al-Quran yang berkaitan dengan al-kawniyyah samada dari sudut perbincangan yang berkaitan dengan hukum, fakta atau setidak-tidaknya data-data yang mengandung isyarat ilmiah (Madahat, t. t.).

Manakala Khalid al-'Ak (1986) berpendapat, al-I'jaz al-i'lmi ialah metode tafsir yang menjelaskan makna secara al-ishari (melalui petunjuk) yang mengagungkan dan membesar Allah SWT melalui ciptaan-ciptaanNya. Metode pentafsiran al-i'lmi termasuk dalam perbahasan al-I'jaz al-ishari. Ini adalah kerana metode al-I'jaz al-i'lmi tidak termasuk padanya syarat-syarat metode tafsir al-'aqli al-Ijtihadi. Kaedah al-I'jaz al-i'lmi ini lebih kepada petunjuk melalui kajian sains dan bukannya menggunakan ijtihad melalui akal. Oleh sebab itu, ada ulama tafsir memasukkan metode al-I'jaz al-i'lmi ini di dalam al-I'jaz al-ishari.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, penulis dapat merumuskan bahawa metode pentafsiran al-Quran bagi ahli tafsir dari kalangan generasi awal iaitu generasi

Sahabat dan Tabiin lebih bertujuan untuk menerangkan apa yang terkandung di dalam kitab Allah SWT dari sudut perbincangan akidah, hukum-hakam syariat seperti jual beli, nikah kahwin, jenayah dan juga adab serta akhlak untuk mensucikan dan mendidik jiwa manusia dan seterusnya mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Namun apabila berlakunya perkembangan ilmu seperti pembukuan dan penterjemahan, mula lahir bibit-bibit percanggahan di dalam bidang-bidang tertentu seperti percanggahan di dalam masalah fikah dan kemunculan ilmu Kalam juga tidak dapat dinafikan adalah kesan dari pengaruh falsafah dan juga akal fikiran. Begitulah juga dengan ilmu tafsir yang telah berkembang dan aliran pentafsiran juga telah berubah. Justeru, telah terbahagi kepada beberapa aliran pentafsiran dan metodologi yang berlainan sebagai pendekatan untuk memahami kitab Allah SWT, antaranya al-ijaz al-mawdu'i, al-i'jaz al-balaghi, al-i'jaz al-lughawi, al-i'jaz al-sufi dan juga al-i'jaz al-i'lmi.

Menurut Mazlan (2002) di dalam bukunya Sejarah dan pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy merumuskan pula, pengertian metode al-i'jaz al-i'lmi dapat difahami berdasarkan pengertian tafsir al-i'lmi (sains) yang telah dibuat oleh ulama adalah seperti berikut,

- i. Metode tafsir yang membicarakan dengan mendi dalam istilah-istilah ilmiah di dalam ayat-ayat al-Quran dan seterusnya mencuba untuk mengeluarkan berbagai-bagi ilmu dan juga beberapa pandangan falsafah daripadanya (al-Zahabi, 1989).
- ii. Metode tafsir yang dibuat oleh pengarangnya dengan tujuan menukar perumpamaan di dalam al-Quran kepada teori-teori dan istilah-istilah ilmiah dan seterusnya mencuba sedaya mungkin untuk mengeluarkan pelbagai permasalahan ilmu dan pandangan falsafah daripadanya (Abd al-Majid, 1973).
- iii. Metode al-i'jaz al-i'lmi ialah tafsiran ayat-ayat al-kawniyyah yang terdapat di dalam al-Quran, ini kerana ayat-ayat al-kawniyyah membicarakan perkara-perkara yang merangkumi ilmu pengetahuan dan juga pengalaman manusia seperti alam semesta, keadaan persekitarannya serta makhluk yang terdapat di dalamnya (Madahat, t. t.).

Jika diperhatikan terhadap ketiga-tiga kesimpulan pengertian di atas, terdapat persamaan maksud pada pengertian al-i'jaz al-i'lmi walaupun penggunaan lafaz yang berbeza-beza. Terdapat pengertian yang menggunakan lafaz teori dan istilah ilmiyyah dan terdapat juga yang menggunakan lafaz al-kawniyyah. Namun kesemua lafaz tersebut mempunyai hubungan dengan ilmu pengetahuan ataupun sains.

Analisa Pandangan Ulama Terhadap Metode Al-I'Jaz Al-I'lmi

Dalam konteks perbincangan metode al-i'jaz al-i'lmi berlaku percanggahan pemikiran sehingga melahirkan beberapa persepsi yang berbeza dalam kalangan ulama Islam khususnya golongan ulama tafsir. Hal ini, membawa kepada lahirnya tiga (3) kelompok atau golongan ulama berdasarkan kepada persepsi dan pendapat masing-masing iaitu,

- a) Golongan yang Menolak

Menurut al-Zahabi (1989), di dalam disiplin ilmu tafsir, pentafsiran berasaskan fakta sains dibincangkan di dalam bab al-i'jaz al-i'lmi atau al-tafsir al-i'lmi iaitu pentafsiran yang

menghuraikan istilah-istilah ilmiah pada ayat-ayat al-Quran serta pentafsiran bagi mengeluarkan pelbagai jenis ilmu dan pendapat-pandapat falsafah. Namun terdapat ulama-ulama yang menolak terhadap pendekatan pada corak tafsiran ini.

Antaranya ialah Rashid Ridha(t.t.) yang melahirkan kecamannya terhadap mereka yang mentafsirkan al-Quran berdasarkan metode al-i‘jaz al-i’lmi ini di dalam kitabnya iaitu Tafsir al-Manar. Beliau secara khusus, mengkritik tafsir al-Fakhr al-Razi yang memuatkan ilmu-ilmu matematik, sains tabii dan pelbagai ilmu moden yang terdapat pada zamannya seperti ilmu falak Yunani dan selainnya. Pada pandangan beliau, sesetengah teori ilmiah yang terdapat di dalam tafsir-tafsir al-i’lmi perlu dinilai kerana ilmu dan teori-teori yang masih di dalam peringkat ujian mungkin akan memberi keputusan yang bertentangan menurut peredaran zaman.

Tambah beliau lagi, hakikat petir, kilat, guruh bukanlah tempat perbahasan di dalam al-Quran. Begitu juga kejadian-kejadian angin, manusia dapat mengetahuinya tanpa terhenti kepada wahyu semata-mata. Tambahnya lagi, tidak ada ruang dalam mentafsirkan al-Quran dengan memanjangkan perbahasan berdasarkan ilmu yang bersangkutan dengan alam semula jadi kerana setiap ilmu tersebut ada perbahasannya sendiri dan bukannya di dalam kitab-kitab tafsir.

Pandangan yang menentang juga telah dikemukakan oleh Mahmud Shaltut (1966) atas alasan tafsiran ini boleh mendedahkan ayat-ayat al-Quran kepada sesuatu yang tidak diingini. Hal ini kerana teori sains adalah tidak tetap dan sentiasa menerima perubahan mengikut peredaran masa.

Ketegasan beliau itu banyak dinyatakan di dalam Tafsir al-Quran al-Karim li Ajza’ al-‘Asratuhu al-‘Ula. Pada pandangan beliau, mengistinbatkan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan alam dan teori-teori sains dengan apa yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Quran telah disalahgunakan oleh ahli cendiakawan yang mempelajari dan memahami ilmu-ilmu moden dan teori-teori ilmiah, falsafah dan ilmu tentang kedoktoran dan lain-lain. Mereka menggunakan keilmuan mereka dalam bidang tersebut untuk mentafsirkan kitab Allah SWT dengan hujah bahawa Allah SWT telah berfirman,

مَافَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

“Tiadalah Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini”

al-An’am (6): 38

Mereka mentakwilkan ayat tersebut berdasarkan pemahaman mereka dengan membuka lembaran baru dalam mentafsir kitab Allah SWT. Mereka mentafsirkannya berdasarkan teori-teori ilmiah terbaru dengan menyangka bahawa mereka telah mengangkat martabat Islam.

Tambah beliau lagi, tafsiran ini sama sekali tidak tepat dan tidak selari dengan sebab turunnya ayat dan maksud dari segi konteks ayat al-Quran tersebut contohnya firman Allah SWT,

فَارْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ١٠ يَعْشَى النَّاسُ

هَذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ١١

“Oleh itu tunggulah (wahai Muhammad) semasa langit membawa asap kemarau yang jelas nyata (yang menyebabkan kebuluran yang

dahsyat) yang akan menimpa seluruh keadaan manusia (yang kafir itu) sehingga mereka akan berkata : Ini adalah azab yang sungguh menyakitkan”.

al-Dukhan (44): 10-11

Mereka mentafsirkan ayat di atas dengan apa yang lahir pada zaman ini daripada gas-gas beracun yang dihasilkan daripada kebijaksanaan akal manusia. Ini merupakan senjata yang paling ampuh untuk memusnah dan menghancurkan segala bentuk kehidupan. Mereka mentafsirkan ayat tersebut dengan tafsiran sedemikian tanpa mengambil kira ayat selepasnya iaitu firman Allah SWT,

رَبَّنَا أَكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾
 أَنَّ لَهُمُ الْذِكْرَى وَقَدْ جَاءَهُمْ رَسُولٌ مُّبِينٌ
 ﴿١٣﴾
 ثُمَّ تُولَّوْ عَنْهُ وَقَالُوا مُعَلَّمٌ بَخْنُونُ

“(Pada saat itu mereka akan merayu dengan berkata) : wahai Tuhan kami, hapuskanlah azab ini dari kami, sesungguhnya kami akan beriman. Bagaimana mereka dapat beringat (menyempurnakan janji mereka hendak beriman itu) pada hal mereka telah pun didatangi seorang Rasul yang memberi keterangan-keterangan (yang cukup untuk mereka beriman). Sekalipun demikian, mereka juga berpaling ingkar daripada menerima keterangannya sambil berkata (sesama sendiri) : Dia seorang yang diajar (oleh bangsa asing), dia juga seorang yang gila.”

al-Dukhan (44): 12-14

Permasalahan sains tidak pernah tetap dan tidak pernah ada pandangan yang terakhir, sesuatu yang nyata dan tepat pada hari ini merupakan perkara-perkara khurafat pada esoknya. Tafsiran al-Quran dengan permasalahan-permasalahan ilmiah yang berubah-ubah akan menyebabkan al-Quran terdedah kepada perubahan-perubahan sepertinya. Justeru perkara ini akan meletakkan kita di tempat yang amat sukar untuk mempertahankan kesucian al-Quran.

Abu Hayyan al-Andalusi (t.t.) juga antara golongan ulama yang kuat menghentam pentafsir-pentafsir yang mentafsir al-Quran dengan metode al-i‘jaz al-i‘lmi. Beliau mengatakan bahawa metode al-i‘jaz al-i‘lmi adalah tafsiran yang bercampur baur dan berubah-rubah dari satu disiplin kepada disiplin ilmu yang lain. Tambahnya lagi, segala kaedah ilmu daripada ilmu-ilmu tertentu hendaklah diperbahaskan dengan panjang lebar pada bidangnya. Tidak perlu diperbahaskan ilmu tersebut secara terperinci di dalam kitab tafsir kerana ini akan memesongkan tafsir daripada matlamatnya. Apabila kita melihat seorang lelaki berpindah dari satu ilmu kepada satu ilmu dalam kajian mereka, maka ketahuilah ini bermakna sama ada ceteknya ilmu mereka dalam sesuatu bidang tersebut ataupun mereka tidak mengetahui serta fikiran mereka bercampur-baur dengan menyangka bahawa perkara yang berubah-ubah itu adalah mempunyai persamaan.

Pentafsiran berdasarkan fakta sains juga turut di tentang oleh Imam al-Shatibi (1975). Bersandarkan kepada pegangan golongan salaf al-saleh, iaitu Sahabat dan para Tabiin serta pengikutnya. Golongan ini merupakan golongan yang paling memahami al-Quran serta ilmu-ilmu yang terkandung di dalam nya. Walau bagaimanapun, tidak ada seorang pun

daripada mereka yang mengaitkan al-Quran itu dengan ilmu-ilmu tabii, mantik, matematik dan lain-lain yang seumpamanya secara khusus. Menurutnya lagi, antara dalil yang digunakan mereka untuk membenarkan pentafsiran berdasarkan metode al-i‘jaz al-i‘lmi adalah sebagaimana firman Allah SWT,

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى

*“Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran
menjelaskan tiap-tiap sesuatu.”*

al-Nahl (16): 89

Dan juga firman Allah SWT,

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

“Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini”.

al-An’am (6): 38

Maksud ayat-ayat di atas adalah berkaitan dengan hal-hal fardu (تكليف) dan pengabdian (تعبد), manakala maksud al-Kitab pada firman Allah SWT pada surah al-An’am di atas ialah al-luh al-Mahfuz bukan bermaksud bahawa al-Quran mengandungi segala bentuk ilmu naqliyyah dan aqliyyah.

Seterusnya beliau mempertahankan pandangannya dengan mengemukakan pendapat ulama salaf tentang al-Quran (al-Shatibi, 1975),

“Sesungguhnya golongan salaf al-saleh daripada para Sahabat dan Tabiin serta golongan selepas mereka adalah orang yang paling mengetahui tentang al-Quran dan ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya. Tidak pernah sampai kepada kita bahawa salah-seorang daripada mereka pernah memperkatakan tentang apa yang kamu dakwa. Cuma apa yang thabit dalam tafsiran mereka ialah hukum-hukum taklifi, hukum-hukum akhirat dan apa yang ada hubungan dengannya. Oleh itu jelas bahawa al-Quran tidak bermaksud menerangkan dengan apa yang mereka dakwa.”

Pandangan al-Shatibi di atas tidak bermaksud bahawa orang-orang Arab memahami al-Quran secara literal, tetapi kefahaman mereka terhadap al-Quran adalah berdasarkan perkembangan ilmu semasa pada ketika itu. Salaf al-saleh tidak menafikan perkaitan antara al-Quran dan ilmu sains. Namun pada ketika itu, lingkungannya lebih menekankan al-Quran sebagai suatu sumber membentulkan aqidah, membaiki akhlak dan moral manusia serta suatu sumber yang dapat menguatkan hubungan di antara Allah SWT dan manusia (Juriah, 1998). Sayyid Qub (1986) juga adalah antara ulama zaman moden yang menolak aliran pentafsiran yang berdasarkan metode al-i‘jaz al-i‘lmi. Pendiriannya dapat dilihat dengan jelas apabila merujuk kitab tafsirnya Fi Zilal al-Qur`an. Beliau berpendapat para penyokong atau pendokong metode al-i‘jaz al-i‘lmi cuba menokok tambah terhadap al-Quran apa yang tidak ada kaitan dengannya dan menyandarkan kepadanya perkara-perkara yang tidak dimaksudkan al-Quran. Usaha ini juga dilihat sebagai menyamakan al-Quran dengan sebahagian daripada ilmu kedoktoran, kimia dan astronomi dan ini adalah golongan yang aneh dan tidak berasas.

Beliau juga menganggap golongan yang mentafsirkan al-Quran berdasarkan fakta sains adalah aliran pemikiran yang salah dan amat merbahaya kepada aqidah umat Islam kerana beberapa sebab seperti berikut (Qutb, 1986),

- i. Perbezaan sumber dan kedudukan nas atau ayat al-Quran. Nas al-Quran adalah bersifat qat'i al-dilalah (tidak boleh dipertikaikan lagi). Sebarang realiti yang dinyatakan oleh al-Quran tidak boleh dipertikaikan, kebenaran al-Quran juga tidak perlu dibuktikan kecuali dengan sesuatu yang setaraf dengannya. Pandangan manusia pula sama ada yang bersifat fakta ataupun teori adalah tidak sama tarafnya dengan nas al-Quran yang sememangnya sahih tanpa perlu kepada penyaksian elemen luaran untuk menentukan kebenarannya.
- ii. Terdedah kepada perubahan. Teori mahupun fakta sains bukanlah mutlak sebaliknya boleh berubah apabila fakta baru ditemui. Teori-teori sains merupakan hipotesis-hipotesis yang mungkin juga tertakluk kepada hipotesis-hipotesis lain yang lebih mantap dan akan timbul. Dengan kata lain teori sains terdedah kepada perubahan atau pembatalan. Berlainan dengan hukum-hukum sains, yang merupakan andaian berdasarkan pemerhatian yang kukuh, ianya tidak berubah tetapi bukannya pembuktian yang mutlak.

Dapat difahami daripada pandangan Sayyid Qutb ini khususnya alasan yang pertama, bahawa pemanadan maksud atau tafsir al-Quran dengan fakta-fakta sains menunjukkan seolah-olah fakta sains dijadikan kayu ukur kepada kebenaran al-Quran. Dengan kata lain, benar atau tidaknya al-Quran adalah bergantung kepada keselarasannya dengan fakta sains. Walau bagaimanpun pandangan beliau tentang pengharmonian al-Quran dan sains ini tidaklah terlalu keras di mana menurutnya tidaklah menjadi halangan mengambil manfaat daripada hukum sains sahaja tetapi tidak kepada teori sains.

Seterusnya ulama yang menyatakan penolakan pada metode ini ialah Muḥammad ‘Izzah Darwazah merupakan pengarang kitab tafsir al-i‘jaz al-Hadith. Beliau telah mengarang satu kitab khusus sebagai muqaddimah pada tafsir beliau yang diberi nama al-Quran al-Majid. Di dalam kitab ini beliau telah menyediakan pula satu bab khusus yang membincarakan tentang ahli-ahli tafsir dan metodologi mereka di dalam mentafsir al-Quran (Mazlan Ibrahim, 2002).

Beliau didapati mengkritik sesetengah ahli tafsir yang cuba mengaitkan penemuan-penemuan dan seni-seni tertentu serta mengeluarkan apa yang berkaitan dengan cakerawala, hujan, peringkat-peringkat kehidupan sesuatu makhluk dan perkembangannya dan lain-lain lagi daripada ayat-ayat al-Quran untuk membuktikan bahawa terdapat di dalam al-Quran asas atau teras kepada teori-teori tersebut (Muhammad ‘Izzah, t.t.).

Tegasnya, al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab bagi kaum yang memahaminya. Allah SWT telah mengarahkan Nabi SAW untuk menerangkan dan menjelaskan isi kandungan al-Quran. Adapun teori-teori itu tidak pernah diketahui atau tidak pernah disingkap pada waktunya tersebut dan tidak harus bagi umat Islam mendakwa Rasulullah SAW tidak mengetahui kesemua yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Quran. Begitu juga anggapan bahawa Allah SWT meninggalkan rahsia-rahsia tentang alam yang belum lagi ditemui dan diterokai daripada pengetahuan babi Muhammad SAW.

Menurut Abd al-Azim al-Zarqani (1988) pula, al-Quran adalah sebuah kitab hidayah dan mukjizat, oleh itu kita tidak seharusnya melampaui batas hidayah tersebut. Kejadian alam ciptaan Allah SWT (al-kawniyyah) adalah semata-mata untuk hidayah manusia ke

jalan yang benar serta membuktikan kepada mereka tentang wujudnya pencipta alam, bukan semata-mata bertujuan pengkajian al-Quran berdasarkan ilmu kimia, ilmu tabii, ilmu tumbuhan dan sebagainya. Pendapat ini tidak menentang usaha memadankan al-Quran dengan fakta-fakta sains. Hal ini kerana tujuan alam diciptakan ialah sebagai tanda (ayat) kewujudan Allah SWT, namun beliau mengingatkan bahawa al-Quran tidak seharusnya dianggap sebagai kitab sains di dalam pengertian biasa.

Manakala Abbas Mahmud al-Aqqad (1969) menegaskan bahawa al-Quran tidak pernah menghalang atau melarang manusia daripada berfikir dan mengkaji rahsia-rahsia kejadian alam serta mengambil manfaat daripada ilmu-ilmu semasa yang ada. Walau bagaimanapun umat Islam dilarang menggantungkan keimanan mereka kepada tafsir saintifik yang tidak terjamin kekekalannya. Ini kerana hasil pemikiran manusia tidak kesemuanya bersesuaian atau bertepatan dengan al-Quran, meskipun al-Quran menyuruh manusia menggunakan akal bagi mengkaji alam sekitar.

Ziauddin Sardar (1988) yang dikenali sebagai pemikir islam, juga secara jelas menolak aspek pemadanan al-Quran dengan sains. Beliau mengkritik usaha pemadanan yang dilakukan oleh Maurice Bucaille di dalam bukunya *The Bible, Quran And Science* kerana usaha ini telah mengangkat sains kepada kedudukan yang suci dan menjadikan wahyu-wahyu tertakluk kepada sains Barat. Bahkan ini merupakan satu usaha untuk mengesahkan sains moden dengan menyamakannya dengan al-Quran.

Dari aspek yang lain, kebanyakkan saintis Islam kagum dengan sains moden disebabkan penekanan al-Quran terhadap kepentingan mencari ilmu pengetahuan. Fahaman Bucallisme ini telah membawa kekaguman ke tahap baru dimana seluruh saintis Islam akan menerima semua sains sebagai baik dan benar, malah menyerang sesiapa sahaja yang menunjukkan sifat kritikal terhadap sains. Ziauddin turut melahirkan kebimbangan al-Quran akan diketepikan sama seperti Bible yang diketepikan oleh Bucaille seandainya fakta sains itu dapat dibuktikan salah oleh sains moden atau terdapat sesuatu pernyataan al-Quran yang bertentangan dengan sains moden.

Wan Muhammad Ali (1997) menyifatkan bentuk pentafsiran sebegini sebagai mengikut aliran saintisme, iaitu pentafsiran menggunakan ilmu yang amat rendah dari kacamata tradisional untuk menjadi hakim ke atas al-Quran dan hadis yang berpokok kepada wahyu dan nur nubuwwah manakala saintisme pula adalah berdasarkan acuan materialisme.

Pentafsiran al-Quran berdasarkan fakta-fakta sains yang dimaksudkan di sini tidak sama antara saintisme atau Bucallisme. Saintisme merujuk kepada kecenderungan cara berfikiran yang taksub kepada kebendaan semata-mata dan merendahkan martabat kebenaran atau kewujudan alam ghaib. Saintisme didokongi oleh golongan yang keterlaluan kecenderungan mereka terhadap fakta saintifik.

Secara ringkas, penulis dapat rumuskan bahawa permasalahan golongan ilmuan yang menolak ini ialah atas dasar pertembungan di antara ‘yang mutlak’ (al-Quran) dan ‘yang relatif’ (sains). Pertembungan ini menjadi faktor utama kepada timbulnya keraguan ke atas usaha pemadanan al-Quran dan sains di kalangan ulama dan ilmuan Islam. Selain itu, penulis juga berpendapat bahawa penolakan ini bukanlah bermakna mereka menafikan kemukjizatan al-Quran yang abadi. Sebaliknya, mencerminkan langkah berhati-hati dan juga reaksi kebimbangan akan timbulnya suatu fitnah yang besar terhadap al-Quran. Dengan kata lain, hal ini akan dijadikan hujah kepada musuh-musuh Islam bahawa al-Quran bukanlah wahyu Ilahi yang terpelihara sepanjang zaman andainya berlaku perubahan pada fakta-fakta sains tersebut. Namun jika dilihat daripada dimensi yang positif, segala hujah golongan yang menolak sebenarnya melambangkan kecintaan mereka terhadap al-Quran dan seharusnya diambil kira juga oleh mereka yang menyokong usaha pemadanan ini.

Jadual 1 : Golongan Ulama yang Menolak Metode al-I'jaz al-I'lmi.

Ilmuwan	Pandangan
i. Rasyid Ridha (1354H)	Kecamannya terhadap mereka yang telah memuatkan ilmu-ilmu matematik, sains tabi'i dan pelbagai ilmu moden yang lain.
i. Mahmud Syaltut(1936M)	Mendedahkan ayat al-Quran kepada sesuatu yang tidak diingini
ii. Sayyid Qutub (1966M)	Suatu aliran pemikiran yang salah dan amat merbahaya kepada aqidah umat Islam

b) Golongan yang Menerima secara meluas

Al-Quran diturunkankan dalam bentuk umum merangkumi segala aspek kehidupan manusia daripada yang sekecil-kecilnya kepada yang sebesar-besarnya. Al-Quran juga sebagai hidayah kepada manusia untuk mengharungi kehidupan mereka di dunia maupun di akhirat. Para ulama dan ahli tafsir telah cuba mentafsirkan kandungan ayat-ayat Allah SWT dalam bentuk yang lebih jelas dan terang agar mudah difahami oleh setiap individu muslim. Usaha mentafsirkan al-Quran telah melahirkan aliran-aliran tertentu berdasarkan ilmu dan kemahiran dalam bidang masing-masing seperti lughawiyyah, balaghiiyyah, sufiyyah, fiqhiyyah dan sebagainya.

Diantaranya lagi ialah golongan yang menjuruskan tafsiran mereka kearah tafsiran ayat-ayat al-kawniyyah sehingga kita dapat al-Quran pada pandangan mereka adalah kitab ilmu-ilmu tertentu seperti ilmu perubatan, geografi ataupun kitab ilmu kaji bumi. Golongan ini merupakan golongan yang kedua yang diklasifikasikan oleh sebahagian mufassirin pada perbincangan Metode al-I'jaz al-I'lmi ini. Golongan ini dikenali sebagai (الموسعين) iaitu golongan yang menerima Metode al-I'jaz al-I'lmi tanpa membatasi dengan apa-apa syarat dalam mentafsirkan ayat-ayat al-quran berdasarkan Metode al-I'jaz al-I'lmi. Ini adalah kerana mereka berpandangan bahawa di dalam al-Quran terdapat asas-asas umum tentang ilmu pengetahuan terutama berkaitan dengan sains dan alam tabii. Mereka menyandarkan segala penemuan-penemuan sains yang diketahui oleh mereka kepada nas al-Quran sebagai dalil al-I'jaz al-I'lmi yang membenarkan kepada tafsiran aya-ayaat al-kawniyyah berdasarkan kepada metode ini (Mazlan Ibrahim, 2002).

Pada pandangan golongan ini, objektif utama penurun ayat-ayat al-kawniyyah di dalam al-Quran adalah untuk membincangkan hakikat lahiriah pada ayat al-Quran tersebut. Mereka mengabaikan hikmah atau pengajaran hidayah yang terkandung disebalik isi kandungan setiap ayat-ayat al-kawniyyah. Lantaran itu, mereka bergantung kepada pendapat ilmuan-ilmuan yang mempunyai kecenderungan dalam pelbagai bidang ilmu moden dalam usaha untuk mengkaji setiap ayat-ayat al-kawniyyah ini. Al-Quran pada pandangan mereka adalah menyentuh pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang cukup luas. Oleh itu, ayat-ayat al-Quran tertentu harus difahami berdasarkan istilah-istilah saintifik yang moden sebagaimana dengan firman Allah SWT (al-Najjar, 2009),

مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

“Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini”

al-An'am (6): 38

Dan firman Allah (SWT),

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى

“Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu”

al -Nahl (16): 89

Menurut al-Najjar lagi, Golongan ini juga dikenali sebagai golong (غالوا) ataupun golongan yang melampau dalam menafsirkan al-Quran dengan pandangandan teori-teori saintifik. Golongan ini adalah golongan yang berfikiran sempit yang lahir dicelah-celah umat muslimin, yang cuba menjenamakan agama dan al-Quran setaraf dengan perkembangan dunia moden. Lantaran itu usaha mereka memahami ayat-ayat al-kawniyyah di dalam al-Quran ini jauh menyimpang dari sudut kehendak tatabahasa Arab dan petunjuk syariah serta terpesong daripada matlamat dan objektif yang tersurat dan tersirat di dalam ayat-ayat tersebut (2009).

Umat Islam tidak menolak percambahan pemikiran di dalam dunia pengkajian ilmiah disebabkan perbezaan fakta yang diperolehi ataupun atas dasar perkembangan ilmu pengkajian moden atas dasar perkembangan ilmu pengetahuan dan merupakan suatu yang fitrah pada kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, yang dibimbangi adalah sikap tergesa-gesa golongan ini dalam memahami ayat-ayat al-kawniyyah berdasarkan pemikiran ilmu moden yang belum muktamad dan yang masih dalam proses pengkajian serta menyimpang daripada prinsip-prinsip syariah dan tatabahasa Arab (Hasan Haytu, 2001). Antara tokoh tafsir yang terpengaruh dengan pendekatan ini ialah Syeikh al-Tantawi al-Jawhari. Beliau telah menggabungkan ilmu-ilmu dan pengetahuan-pengetahuan yang kadangkala tidak ada hubungan langsung dengan ayat al-Quran. Pada pandangan beliau, memahami ayat-ayat tashri' akan membolehkan umat Islam menguasai dunia ini (Mazlan Ibrahim, 2002).

Menurut pandangan al-Tantawi (1931) pada waktu kini, keperluan mempelajari ayat-ayat al-kawniyyah adalah lebih tinggi berbanding keperluan mempelajari ilmu-ilmu syariah. Ulama Islam tidak menyedari bahawa ilmu tentang kejadian manusia adalah ibarat makanan yang berzat manakala ilmu syariah pula adalah ubat atau penawar. Manusia tidak boleh hidup melainkan dengan memakan makanan yang berzat, namun sekiranya manusia hanya diberi ubat semata-mata, manusia akan musnah.

Makanan adalah keperluan asasi bagi manusia manakala ubat hanya diperlukan apabila sakit. Oleh itu menuntut ilmu-ilmu makanan dan ubatan iaitu menuntut ilmu-ilmu al-kawniyyah dan ilmu-ilmu syariah adalah keperluan kerana al-Quran menuntut agar kita mempelajarinya. Sesungguhnya al-Quran mengambil berat tentang ilmu-ilmu makanan daripada ilmu-ilmu ubatan, tetapi umat Islam meringankan aspek yang perlu diutamakan dan mengambil berat perkara yang remeh-temeh.

Antara contoh tafsiran al-i'lmi beliau adalah pada tafsiran tentang surah al-Fatiyah yang jelas berpandukan hanya kepada teori-teori sains. Firman Allah SWT,

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْكَلَمِينَ

“Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”.
al-Fatiyah (1): 2

Menurutnya, kebanyakan manusia tidak menyedari keajaiban makhluk-makhluk yang terdapat di alam ini dan tidak mengetahui hakikat diri sendiri melainkan segelintir mereka sahaja iaitu para hukama' dan para wali Allah SWT. Di sini beliau menjelaskan sesetengah daripada rahmat Allah SWT di dalam alam ini dengan menceritakan kisah yang menarik tentang haiwan yang lemah seperti lebah, semut dan labah-labah, diikuti dengan penerangan beliau secara khusus perkataan al-hamd hanya kepada Allah SWT.

Beliau kemudiannya menerangkan maksud petikan ayat (رب العالمين) iaitu Allah SWT adalah pendidik untuk semua alam dan mengangkatnya daripada keadaannya yang serba kekurangan sehingga mencapai kesempurnaan. Dialah yang menguruskan tumbuh-tumbuhan dari segi pemakanan dan pembesarannya begitu juga dengan haiwan dan manusia. Demikian juga yang berlaku pada alam atas. Inilah tarbiyah yang dimulai dengan sifat al-Rahmān yang ada pada Allah SWT.

Seterusnya beliau menjelaskan maksud perkataan (العالمين) dengan memberi maksud bagi alam iaitu apa yang selain daripada Allah SWT dan membahagikan kepada dua bahagian iaitu alam atas dan alam bawah. Alam atas terdiri daripada bintang-bintang, matahari, bulan dan cakerawala-cakerawala dan mendatangkan contoh-contohnya. Beliau kemudian memperkatakan tentang alam bawah iaitu apa yang terdapat di bumi iaitu makhluk-makhluk hidup dan apa yang ada di dalam perut bumi iaitu galian dan memperkatakan dengan panjang lebar alam lautan. Seterusnya beliau menerangkan tentang tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ilmu kaji anatomi. Katanya umat Islam hendaklah mengetahui bahawa mereka tidak dapat memuji Allah SWT dengan sebenar-benar pujian melainkan apabila mereka mempelajari ilmu-ilmu ini dan mengetahui apa yang berkaitan dengannya sehingga manusia mendapat faedah daripadanya (al-Tantawi, 1931).

Selain daripada al-Tantawi ulama yang dikategorikan di dalam kumpulan ini ialah Abd al-Razzaq Nawfal. Beliau merupakan antara ulama yang paling banyak mengarang kitab tentang hubungan antara al-Quran dengan penemuan-penemuan sains atau mentafsirkan ayat-ayat Allah SWT berdasarkan teori-teori sains (Mazlan, 2002).

Menurut pandangan Abd al-Razzaq (1973), sesetengah ulama berpendapat bahawa al-Quran adalah kitab perundangan dan jual beli, dan setangah yang lain pula mengatakan bahawa al-Quran adalah kitab tauhid dan iman. Manakala setengahnya pula mengatakan bahawa al-Quran adalah kitab balaghah dan adab. Sebenarnya, al-Quran adalah kitab yang menghimpunkan segala ilmu dan hikmah dan apa yang baru ditemui tentang ilmu. Sesungguhnya semua itu telah diisyaratkan di dalam al-Quran.

Sebagai contoh, antara tafsiran beliau adalah tentang kesatuan kejadian (وحدة الخلق) berdasarkan firman Allah SWT,

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجًا لِيَسْكُنَ
إِنَّهَا فَلَمَّا تَفَشَّلَتْ حَمَلَتْ حَفِيفًا

“Dia lah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Dia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia Dengan kandungan yang ringan”

al-A'raf (7): 189

Jelasnya, jiwa yang satu itu adalah proton dan pasangannya adalah elektron dan kedua-dua unsur ini yang membentuk atom (zarah). Selepas menghuraikan dengan panjang lebar tentang struktur tubuh badan yang terdiri daripada sel-sel. Beliau menambah dengan katanya inilah hakikat ilmiah yang dicari-cari oleh saintis zaman moden sedangkan ianya telah diceritakan oleh Allah SWT dengan begitu terang dan jelas semenjak 1400 tahun yang lalu. Sesungguhnya kejadian makhluk itu dijadikan dari jiwa yang satu dan dari jiwa yang satu itulah dijadikan pasangannya dan tidakkah ini yang dikatakan proton dan elektron.

Aliran elektrik juga mempunyai unsur positif dan negatif. Para saintis mendapati bahawa unsur positif pada lairan elektrik disamakan dengan proton manakala unsur negatif disamakan dengan elektron. Keserasian serta persamaan pada kedua-dua unsur inilah yang menyebabkan kekalnya atom yang mengawal pergerakan serta kandungannya untuk menghasilkan tenaga elektrik. Sedikit ketidakseimbangan antara kedua-dua unsur tersebut boleh memusnahkan atom dan juga kehidupan. Sesungguhnya hakikat ini telah dijelaskan pada ayat 189 surah al-'Arāf bahawa segala persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kedua-dua unsur proton dan elektron tersebut boleh menghasilkan tenaga elektrik (Abd al-Razzaq, 1973).

Golongan ketiga ini, dianggap golongan ahli tafsir yang mengambil pendekatan melampau menurut Hasan Haytu (2001) apabila mereka juga mengaitkan dan mentafsirkan ayat-ayat Allah SWT dari sudut ilmu matematik ataupun angka-angka tertentu. Penafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut nombor dan angka ini dikenali dengan (الْعَجَزُ الْعَدِيُّ) atau (الْعَجَزُ الرِّياضِيُّ). Pentafsiran berdasarkan angka dan nombor ini merupakan metodologi yang digunakan oleh kaum Yahudi yang terdahulu sebelum kedatangan agama Islam. Metodologi pentafsiran ini menjadikan lafaz-lafaz al-Quran yang zahir sebagai rumusan untuk ditafsirkan lafaz-lafaz tersebut secara batin atau yang tersirat.

Antara ilmuwan Islam yang terpengaruh dengan metodologi pentafsiran ini ialah Abdullah Muḥammad al-Bultaji. Beliau telah mengarang buku berkenaan mukjizat al-Quran dari sudut matematik sebagai satu pengenalan secara bersiri. Di dalam fasal pertama siri keempat buku tersebut, beliau telah memaparkan rumusan terhadap perkataan (الله) dan perkataan (كُلُّ شَيْءٍ) dengan sifat Allah SWT yang hanya 19 sifat sahaja. Rumusan beliau itu berdasarkan sifat Allah SWT yang utama iaitu tunggal atau Wahid. Jika dihitung perkataan (واحد) berdasarkan tertib huruf bahasa arab yang membentuk perkatan tersebut, iaitu huruf (و) pada tertib huruf yang keenam (6), huruf (ا) pada tertib huruf yang pertama (1), huruf (ح) pada tertib huruf yang kelapan (8) dan huruf (س) pada tertib huruf yang keempat (4). Maka jumlahnya ialah $6 + 1 + 8 + 4 = 19$. Manakala berkaitan dengan perkataan (كُلُّ شَيْءٍ) pula di dalam al-Quran dan disebut secara beriringan dengan sifat-sifat Allah hanya pada 19 sifat sahaja. Justeru, beliau membuat kesimpulan berdasarkan apa yang dirumuskan di atas bahawa sifat Allah SWT itu hanya 19 sifat sahaja (al-Bultaji, 2002).

Pandangan beliau yang mengaitkan tafsiran angka dan nombor terutama dengan angka 19 ini, selari dengan dengan kumpulan al-Baha'iyyah yang menyelweng dari ajaran Islam. Menurut Hasan Haytu, kumpulan ini begitu taksub dengan angka 19 iaitu merujuk kepada 19 pemimpin mereka yang menjaga pintu-pintu langit. Golongan ini berpegang bahawa sunnah pegangan mereka terbentuk di dalam masa 19 bulan, begitu juga mereka mendakwa bahawa di dalam satu tahun ada 19 bulan dan setiap bulan ada 19 hari. Mereka melaksanakan ibadah puasa pada bulan yang ke-19 yang membuktikan lagi kekufuran mereka dengan mensucikan angka 19 tersebut (Hasan Haytu, 2001).

Seorang lagi ilmuwan yang terpengaruh dengan angka dan nombor di dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran ialah Mahmud Ismail. Buku beliau Arqam min Al-Quran adalah hasil rumusan beliau terhadap nombor-nombor berdasarkan tertib atau susunan surah-

surah di dalam al-Quran. Bermula dengan nombor satu pada surah yang pertama sehingga nombor 114 pada surah yang terakhir. Antara contoh rumusan beliau iaitu pada nombor satu (1) yang dikaitkan dengan ayat pertama pada surah pertama di dalam al-Quran iaitu firman Allah SWT,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani.”

al-Fatiyah (1): 1

Pada pandangan beliau angka satu di dalam al-Quran pada ayat basmalah ini, menunjukkan keSucian dan keEsaan Allah SWT yang maha Pengasih dan Penyayang. Perkaitan nombor satu tersebut dengan ayat pertama ialah menunjukkan bahawa tiada makhluk yang memiliki nama tersebut kecuali Allah SWT yang Tunggal dan yang Esa. Selain itu nombor satu jika dirujuk pada kalimah bahasa Arab iaitu wahid yang merupakan nombor yang paling kerap disebut pada surah-surah di dalam al-Quran iaitu pada 32 surah. Beliau mengaitkan pula bahawa angka 32 adalah bertepatan dengan surah al-Sajdah berdasarkan tertib dan susunan surah di dalam al-Quran. Ini seolah-seolah ingin menunjukkan bahawa Allah SWT yang Tunggal dan Esa selayaknya disembah dan di sujud oleh makhluk ciptaanNya (Mahmud Ismail, 2000).

Pada pandangan penulis terhadap apa yang dilontarkan dan dibincangkan tentang pandangan-pandangan terhadap kelompok kedua di atas, adalah selari dengan pandangan serta kritikan kepada beberapa ilmuwan Islam kontemporari yang terlalu terpengaruhi dengan perkembangan dunia moden di dalam mentafsir al-Quran. Golongan ini dikenali sebagai saintisme. Penyelidik dapati pandangan mereka selaras dengan pada yang dilontarkan oleh Wan Muhammad Ali di dalam salah satu topik yang dibincangkan dari buku beliau iaitu Islam dan Fitnah Modernisasi.

Pada pandangan Wan Muhammad Ali (2000), Saintisme ialah aliran yang berkecenderungan menghuraikan ajaran-ajaran agama dengan berpandukan hipotesis, teori dan penemuan di bidang sains. Secara ringkasnya, aliran ini mengemukakan sintesis antara sains dan agama serta menghuraikan agama dengan berdasarkan fakta-fakta atau penemuan-penemuan daripada kajian sains. Berkemungkinan fakat-fakta tersebut merupakan hipotesis-hipotesis yang disokong oleh sesuatu sikap falsafah yang tertentu. Pada awalnya, aliran ini telah muncul di kalangan penganut agama Nasrani, terutamanya di kalangan ahli-ahli sains yang bermazhab Katholik.

Saintisme muncul dalam disiplin ilmu tafsir apabila wujudnya usaha untuk memperlihatkan bahawa Islam itu agama ‘saintifik’, dengan mengenalpasti ayat- ayat al-Quran yang dinamakan ‘mukjizat ilmiah’ al-Quran. Sebahagiannya pula cuba membuktikan kebenaran agama, seperti wujudnya Allah SWT dengan sains tulen (exact sciences). Begitu juga, sesetengahnya cuba mentafsirkan Nabi Adam a.s. sebagai manusia pada peringkat sebelum mumayyiz dengan berpandukan hipotesis atau teori antropologi moden. Demikian juga, konsep kosmologi al-Quran dihuraikan berdasarkan fakta-fakta astronomi moden. Oleh itu, keterangan al-Quran tentang langit dan penghuni-penghuni langit difahami secara zahir berhubung dengan langit alam syahadah ini.

Tambah beliau lagi, saintisme ialah aliran yang sia-sia. Aliran ini tidak berjaya menambah keimanan seseorang Islam terhadap agamanya dan tidak pula berjaya untuk memikat hati orang-orang Barat kepada Islam dengan sikapnya yang apologetik itu. Bahkan aliran ini tidak berjaya untuk memerangi fahaman kebendaan (materialisme), malahan ia

mengemukakan fahaman kebendaan dalam bentuk waham semata-mata (Wan Muhammad Ali, 2000).

Jadual 2 : Ilmuwan Tafsir yang Menerima Metode al-I'jaz al-I'lmi dengan Meluas

Ilmuwan	Pandangan
i. Syeikh al-Tantawi Jawhari (1380H)	Menggabungkan ilmu-ilmu dan pengetahuan yang kadangkala tidak ada hubungan langsung dengan ayat al-Quran
ii. Abd al-Razzaq Nawfal (1973M)	Al-Quran adalah kitab ilmu yang mengumpulkan segala ilmu dan hikmah dan apa yang baru ditemui tentang ilmu.
iii. Abdullah Muhammad al-Bultaji	Mentafsirkan ayat-ayat Allah SWT dari sudut ilmu matematik ataupun angka-angka tertentu.

c) Golongan Menerima Metode al-I'jaz al-I'lmi Secara Sederhana dan Bersyarat

Pentafsiran al-Quran adalah usaha ilmiah yang berterusan yang cuba menjelaskan maksud wahyu sebaik dan sejelasnya agar boleh difahami oleh manusia menerusi ilmunya. Iman al-Ghazali telah memperkatakan tentang pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang dicungkil daripada al-Quran. Pada pandangan beliau, apa yang terdapat di dalam al-Quran adalah isyarat kepada keseluruhan ilmu tersebut. Manakala untuk lebih mendalam dan memperhalusi ilmu-ilmu tersebut adalah dengan memahami al-Quran itu sendiri. Dengan hanya mengetahui tafsirannya secara zahir tidak membawa kepada kefahaman ilmu-ilmu tersebut.

Tambahnya lagi, sesetengah daripada ayat-ayat al-kawniyyah yang memperkatakan tentang matahari, bulan dan gerhana tidak diketahui hakikat perjalannya melainkan seseiapa yang mengetahui keadaan peraturan langit dan bumi serta memahami dengan jelas (Iman al-Ghazali, 1967). Firman Allah SWT,

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الْإِنْسَنُ مَا عَرَكَ بِرِبِّكَ الْكَوْنِيٰ ۝ فِي أَيِّ صُورَةٍ مَا شَاءَ رَبُّكَ

“Wahai manusia, apakah yang memperdayakanmu (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang maha pemurah? Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya. Di dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendakiNya, ia menyusun kejadianmu dengan seimbang”.

al-Infitar (82): 6-8

Muhammad Mustafa al-Maraghi (2010) di dalam tafsir beliau yang dikenali sebagai Tafsir Maraghi menyatakan bahawa, mentafsirkan ayat-ayat al-kawniyyah di dalam al-Quran bukan bertujuan untuk menjelaskan apa yang terdapat di langit dari segi bahannya, jaraknya, kandungannya dan beratnya. Akan tetapi menjadi kewajipan untuk mengetahui sebahagian

kecil daripadanya untuk membayangkan kekuasaan Allah SWT dan untuk dijadikannya sebagai satu peringatan dan pengajaran kepada manusia. Juga menjadi kewajiban untuk mentafsirkan ayat-ayat Allah SWT dengan teori-teori sains sekiranya terdapat persamaan antara zahir ayat tersebut dengan hakikat-hakikat ilmiah atau teori-teori sains yang tetap maka perkara tersebut dibolehkan.

Beliau juga telah mempraktikkan metode pentafsiran beliau dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan hakikat-hakikat ilmiah yang tetap (thabit). Perkara ini dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan firman Allah SWT :

خَلَقَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرْوِنَّا

“Dia menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya”

Luqman (31): 10

Jelasnya, langit merupakan salah satu ciptaan Allah SWT yang boleh dilihat di ruang angkasa selain bintang-bintang, bulan dan matahari yang terdapat di dalam sistem cekarawala. Ianya bergerak, berpusing dan bergantung mengikut kehendak dan peraturan Allah SWT sehingga kepada tempoh masa yang ditentukan. Peraturan yang magnatis ini merupakan sunnatullah yang memainkan peranan menjadikan langit terapung tanpa tiang dan tempat bergantung sehingga menjadi kewajiban untuk mempercayainya. Begitu juga dengan kadar jirim-jirim dan berat langit yang seumpama serbuk-serbuk yang halus di luar pengetahuan makhluk bumi wujud berdasarkan ketetapan dan peraturan magnatis Allah SWT (al-Maraghi, 2010).

Seterusnya, Mustafa Sadiq al-Rafi'i (1990) di dalam kitabnya I'jaz al-Quran wa al-Balaghah al-Nabawiyyah menjelaskan apabila timbul penemuan-penemuan baru yang dibantu oleh peralatan-peralatan canggih maka hakikat ilmiah akan semakin menjadi jelas, seolah-olah tujuan akal manusia ialah untuk memerhati dan mengkaji hakikat ilmiah tersebut. Apabila peralatan-peralatan canggih itu berperanan untuk mengkaji hakikat apa yang terdapat di langit dan bumi, seolah-olah berperanan untuk menjelaskan kepada ayat-ayat al-Quran al-Karim.

Sebagai contoh pentafsiran beliau dengan corak ini dapat dilihat pada firman Allah SWT,

وَلَقَدْ خَلَقَنَا إِلَانَسَنَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٩﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan pati itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh”

Al-Mu'minun (23): 12-13

Beliau mentafsirkan ayat di atas dengan menjelaskan makna-makna bagi lafaz-lafaz tertentu pada ayat tersebut, seumpama perkataan al-sulalah pada petikan (من سلاله) pada ayat yang bermaksud saripati kerana berasal daripada tanah yang keruh. Maka ibarat pada petikan (من) سلاله من طين mengandungi maksud yang banyak sehingga tidak diketahui maknanya secara ilmiah melainkan dijalankan kajian ke atas manusia bagi mengetahui awal kejadiannya. Manakala al-Qarar pada petikan (في قرار) bermaksud tempat yang di dalam dan disifatkan dengan perkataan (مكين). Kesemuanya merupakan al-'ijaz al-i'lmi yang hanya mampu difahami oleh pakar perubatan yang mempelajari ilmu anatomi atau ilmu kaji tubuh. Antara

maksud ibarat pada ayat di atas adalah peranan rahim sebagai tempat pembentukan manusia dan merupakan tempat yang paling kuat untuk memelihara benih lelaki dan perempuan. Di samping itu, ia juga mengandungi bahan cecair yang memelihara benih supaya terus hidup dan tidak musnah (al-Rafi'i, 1990).

Pada pandangan al-Fakhr al-Razi (t.t.) pula, al-Quran itu dipenuhi dengan pelbagai fenomena alam sebagai dalil ilmu pengetahuan dan kekuasaan Allah SWT. Fenomena-fenomena ini diulangi di dalam banyak ayat dan surah di dalam al-Quran. Seandainya perbincangan dan pemerhatian ini tidak diharuskan, Allah SWT tidak akan memperkatakannya di dalam kitabNya. Antara karangan beliau yang memuatkan penafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan Metode al-i'jaz al-i'lmi ialah kitab Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb. Sebagai contoh beliau mentafsirkan firman Allah SWT,

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لِعِبْرَةٍ شُقِيقَكُمْ مَمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرِثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغاً
لِلشَّرِبِينَ

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari di dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah iaitu susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya”.

al-Nahl (16): 66

Menurutnya, sesuatu makanan yang dimakan manusia akan sampai ke perutnya apabila makanan tersebut telah dihadamkan untuk peringkat pertama. Apa yang cair dan bersih darinya akan ditarik oleh hati, manakala apa yang pekat akan turun ke usus. Seterusnya apa yang terdapat di hati akan diproses untuk menjadi darah. Penghadaman peringkat kedua ini menyebabkan darah tersebut bercampur antara warna kuning dan hitam serta bertambah dari segi kecairannya.

Darah yang berwarna kuning akan pergi ke hempedu dan yang hitam ke limpa, manakala air akan ke buah pinggang dan sebahagiannya ke pundi kencing. Darah akan memasuki urat iaitu saluran-saluran peluh yang terdapat di dalam hati. Di sini terhasilnya penghadaman peringkat ketiga. Di antara hati dan labu susu terdapat urat-urat yang amat banyak yang mengalirkan darah melalui urat-urat lembut dan berwarna putih. Allah SWT mengubah darah ketika memasuki daging yang berkelenjar menjadi susu. Inilah proses bagaimana susu terbentuk (al-Razi, t.t.).

Metode al-i'jaz al-i'lmi menurut al-Zarqānī (1988) adalah tafsiran yang menggunakan faktor-faktor mengenai alam tabii yang diperolehi melalui kajian sains pada hari ini. Usaha ini adalah gabungan di antara pengertian yang ma'tsur dan pengertian berdasarkan akal atau ijtihad (ra'y) dengan prinsip ilmu yang betul serta sederhana adalah tergolong di dalam al-i'jaz al-mamduh (tafsir yang terpuji), disamping tafsir Sahabah dan Tabiin

Aliran tafsir sama ada bi al-Ma'tsur atau bi al-Ra'y menurut Husin al-Zahabi (1998), sekiranya bertepatan dengan al-Quran adalah diterima selagi mana ianya tunduk kepada kaedah-kaedah dan syarat-syarat tafsir. Kedua-dua jenis tafsir ini sebenarnya saling bantu membantu serta lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Justeru, adalah tidak harus dihadkan kepada tafsir bi al-Ma'tsur semata-semata atau tafsir bi al-Ra'y semata-mata kerana akan membataskan pentafsiran terhadap sesuatu ayat al-Quran.

Secara dasarnya, dapat disimpulkan bahawa penggunaan akal dan ijtihad adalah diharuskan dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan syarat dan kaedah-kaedah tertentu yang mengharuskan kepada pentafsiran bi al-Ra'yi dipatuhi. Keharusan ini menurut Suyuti (t.t.) adalah hanya bagi ayat-ayat yang berhubungkait dengan ilmu-ilmu seperti balaghah, hukum dan isyarat-isyarat alam tabii, dan dilakukan oleh mereka yang berkelayakan.

Berkait dengan masalah pertembungan antara ‘kerelatifan sains’ dan juga ‘kemutlakan al-Quran’, para sarjana Islam mengambil sikap sederhana iaitu dengan berpendirian bahawa al-Quran sebuah kitab hidayah yang menggesa manusia meneliti secara ilmiah isi kandungannya (Mohammed Yusof, 1993). Tambah Azizan Baharuddin (1993), sesuatu yang dirujuk oleh pentafsir kepada fakta alam tabii di dalam al-Quran, sebenarnya hanyalah spekulasi yang mampu ditanggapi adalah terhad. Interpretasi mengenai sesuatu ayat bukannya mutlak dan sentiasa tidak boleh dianggap mutlak. Usaha para pentafsir hanyalah untuk memahami kalam tuhan dengan lebih baik lagi, dan pemahaman akan berubah dari masa ke semasa untuk ke arah kesempurnaan. Jelas beliau lagi, fakta-fakta sains yang dijadikan bahan oleh para pentafsir adalah yang merujuk kepada fenomena yang telah pun mantap ilmu mengenainya. Fakta-fakta tersebut tidak mungkin akan berubah lagi seperti cara bagaimana hujan turun, proses pendebungaan, proses pertumbesaran janin dan lain-lain lagi.

Pentafsiran berdasarkan sains bukan menunjukkan bahawa hakikat al-Quran telah berubah, sebaliknya yang berubah ialah akal pemikiran manusia yang semakin berkembang dengan banyaknya penyelidikan dan penganalisaan. Secara umumnya kelihatan seperti ada perubahan di dalam pentafsiran, tetapi sebenarnya pentafsiran yang kemudian tidak bertentangan dengan pentafsiran awal sebaliknya lebih bersifat sebagai penghuraian dan pengukuhan kepada maklumat awal (Yahya al-Mahjari, 1991).

Pandangan ini dikuatkan lagi dengan pandangan Muhammad Iqbal (1984) yang mempercayai bahawa fahaman manusia tentang isi kandungan al-Quran berkemungkinan diperbaiki dari masa ke semasa mengikut pengalaman dan ilmu yang mungkin lebih mendalam tentang alam jagat. Pencapaian ilmu manusia semakin lama semakin berkembang, oleh itu, usaha memahami al-Quran, menurut Muhammad al-Ghazali (1993), khususnya yang berkaitan dengan alam, kehidupan dan ilmu-ilmu kemanusiaan, tidak harus terhenti pada satu batas tertentu. Namun berbeza dengan perkara yang tidak tertakluk dengan perkembangan ilmu semasa seperti kewajipan solat dan sebagainya yang termasuk di dalam perkara ibadah dan bersifat mutlak.

Pandangan ini selaras dengan pendapat Hasan al-Banna (1984). Tentang kedudukan nas al-Quran yang berbentuk qat'i dan tidak qat'i. Nas al-Quran yang tidak qat'i, yang memberi beberapa pengertian yang harus disesuaikan dengan hakikat yang telah putus dan thabit melalui percubaan dan dalil yang yakin. Contohnya, pendapat yang mengatakan bumi ini bulat, nas al-Quran ada membayangkan pengertian ini dan boleh ditafsir sedemikian.

Sulaiman Noordin (1993) berpendapat bahawa, penerimaan sains moden juga adalah tertakluk kepada darjah kesahihannya iaitu yang sudah terkenal sebagai hukum-hukum sains. Sekiranya tarafnya cuma sekadar teori atau hipotesis maka kebenarannya belum terjamin. Maklumat atau penemuan sains yang sah, merupakan hukum-hukum tabii yang tetap dan tidak berubah. Justeru, fakta-fakta sains jenis inilah yang sesuai dibuat rujukan dan perbandingan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Seandainya teori sains bertukar, menurutnya kita tetap bersama al-Quran untuk memilih teori yang berdasarkan kepada penemuan sains yang selari dengannya. Ini disebabkan segala penemuan sains akan tetap membésarkan apa yang diisyiharkan oleh al-Quran jika sekiranya fenomena tersebut ada disentuh di dalam al-Quran. Pandangan yang menganggap bahawa penemuan-penemuan sains tidak diperlukan

untuk membuktikan kebenaran al-Quran, adalah merupakan satu pandangan yang merugikan umat Islam dan menyempitkan al-Quran. Malahan dari segi kajian sejarah, ramai yang tertarik kepada ajaran al-Quran melalui mukjizat al-Quran sama ada dari segi bahasanya, sasteranya serta kebenaran isi kandungannya di dalam konteks sejarah.

Imam Abu Zahrah (t.t.) pula berpendapat bahawa usaha ini perlu dihargai dan dilakukan secara berhati-hati. Pentafsiran ayat-ayat al-Quran berpandukan sains dibolehkan, tetapi bukan berasaskan teori yang berubah-ubah. Seorang sarjana tempatan, Abdul Rahman (1995) pula menyatakan perlunya dihindari daripada sikap akomodasi iaitu penyesuaian antara wahyu dengan sains tanpa batasan dan hendaklah sentiasa berada pada landasan panduan dan syarat-syarat yang telah digariskan oleh para ulama tafsir

Jadual 3 : Ilmuwan Tafsir Yang Menerima Metode al-I'jaz al-I'lmi Dengan Bersyarat

Ilmuwan	Pandangan
i. Al-Fakhr al-Razi (606H)	Al-Quran dipenuhi dengan pelbagai fenomena alam sebagai dalil pengetahuan dan kekuasaan Allah SWT
ii. Muhammad Abu Zahrah (1974M)	Ilmu-ilmu kejadian alam seperti kejadian langit dan bumi telah diisyaratkan oleh al-Quran dengan jelas.
iii. Abd al-Azim al-Zarqani (1948M)	Perlu menentukan kesahihannya dalam menaqlakan penemuan-penemuan ilmiah yang masih dalam andaian.

Berdasarkan perbincangan dan perbahasan tentang perselisihan dan persepsi para ulama dan sarjana Islam terhadap Metode al-I'jaz al-I'lmi, penulis berpandangan bahawa di antara ketiga-tiga golongan ini, golongan yang ketiga adalah golongan yang sesuai dijadikan pegangan pada masa kini kerana,

- i. Sebagai metodologi dakwah kontemporari. Dengan adanya kebenaran hasil kajian ilmiah terhadap ayat-ayat Allah SWT sama ada secara penglihatan atau perlatan moden dan berteknologi tinggi. Maka ia merupakan dalil tambahan dalam menambah keimanan terhadap kebenaran kitab suci al-Quran pada masa ini.
- ii. Pegangan golongan pertama seolah-olah tidak menafikan ayat-ayat Allah SWT yang menyeru kepada meneliti dan mengkaji segala ciptaan Allah SWT di langit maupun di bumi. Golongan ini menolak tafsiran yang berdasarkan teori dan penemuan sains, walaupun menepati apa yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran seperti pembentukan bayi dan sebagainya. Al-Quran adalah kitab hidayah dan bukannya buku sains.
- ii. Pegangan golongan yang kedua pula akan mendedahkan al-Quran kepada pertikaian dan kekeliruan, yang membuka ruang bagi golongan kafir dan juga golongan orientalis untuk mempersoalkan al-Quran sebagai mukjizat dari Allah SWT, seterusnya mendakwa al-Quran sebagai rekaan Nabi Muhammad SAW.

SYARAT DAN PANDUAN PENTAFSIRAN BERDASARKAN METODE AL-I'JAZ AL-I'LMI

Para mufassirin daripada golongan ini telah menggariskan panduan serta syarat yang perlu dimiliki dan dipatuhi untuk metafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan metode al-i'jaz al-i'lmi atau fenomena alam ciptaan Allah SWT. Antaranya imam al-Suyuti (t.t.) yang meletakkan prinsip-prinsip yang perlu dipelihara di dalam kitabnya *Itqan fi 'Ulum al-Quran*.

- i. Bersandarkan tafsiran daripada al-Quran itu sendiri kerana terdapat di dalam al-Quran sesetengah perkara yang disebut berulang kali. Terdapat pada ayat tertentu disebut secara umum dan pada ayat-ayat yang lain pula disebut secara terperinci.
- ii. Bersandarkan tafsiran-tafsiran yang diriwayatkan secara sahibh daripada Rasulullah SAW.
- iii. Bersandarkan tafsiran para Sahabat dan Tabiin, iaitu tafsiran yang berkaitan dengan perkara yang tidak mungkin digunakan ijтиhad seperti sebab turun sesuatu ayat (asbab al-nuzul) dan sebagainya.
- iv. Perpadukan bahasa Arab kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang jelas. Mufassir hendaklah terdiri daripada orang-orang yang mendalamai bahasa Arab. Mufassir jangan pula mengambil kesempatan untuk menyelewengkan tafsir dengan mencari makna-makna yang tiada pengertian dengan konteks ayat.

Selain daripada empat syarat di atas, Subhi al-Saleh (1977) di dalam kitab *Mabahith fi 'Ulum al-Quran* juga menggariskan perkara-perkara berikut bagi pentafsiran al-Quran yang berdasarkan metode al-i'jaz al-i'lmi ini,

- i. Mufassir tidak harus mentafsir ayat-ayat mutasyabihat yang hanya Allah SWT mengetahui maksudnya.
- ii. Mufassir tidak mentafsirkan ayat menurut anggapan dan perasaan sendiri.
- iii. Mufassir tidak boleh beranggapan bahawa apa yang ditafsirkannya itu adalah satu-satunya yang dimaksudkan oleh Allah SWT, tanpa dalil yang pasti atau jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah.
- iv. Mufassir tidak terkeluar daripada kaedah-kaedah logik akal yang sempurna atau tuntutan fitrah yang sihat.

Ilmuwan kontemporari Zaghlul al-Najjar (2009) menyenaraikan sebanyak 20 prinsip atau syarat yang harus dipatuhi ilmuwan di dalam usaha mencari padanan fakta-fakta saintifik dengan ayat-ayat al-Quran,

- i. Mendalami nas al-Quran al-karim yang menepati maksud perkataan-perkataan bahasa Arab, serta menepati kaedah-kaedah tatabahasa dan gaya bahasa yang digunakan, kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Mufassir juga hendaklah mengelak daripada mengubah makna sebenar sesuatu perkataan al-Quran kepada

makna yang tersirat (majazi) melainkan terdapat alasan yang kukuh dan ketika keperluan mendesak kerana kajian usaha ini tidak menerima fakta atau pengertian ayat-ayat al-Quran secara pandangan akal (ta'wil).

- ii. Memahami Asbab al-Nuzul, nasikh dan mansukh sekiranya terdapat pada ayat tersebut. Mufassir juga perlu memahami lafaz ‘Am dan Khas, Mutlaq dan Muqayyad juga sifat Mujmal dan Mufassal daripada ayat-ayat al-Quran al-karim.
- iii. Memahami sumber yang al-ma’thur dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran sama ada daripada Rasulullah SAW. dan juga merujuk kepada pendapat-pendapat ahli tafsir dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Tabi-tabiin sehingga kepada ahli tafsir zaman kini.
- iv. Menghimpun qira’at yang sahih sekiranya didapati pada ayat al-Quran yang berkenaan.
- v. Menghimpunkan nas al-Quran yang berkaitan dengan topik perbincangan tertentu dan membandingkannya untuk memahami dalil yang terdapat pada setiap satunya. Sebahagian ayat al-Quran, sebenarnya menjelaskan maksud ayat yang lain kerana al-Quran itu ditafsirkan dengan al-Quran itu sendiri dan juga dari hadis Rasulullah SAW. yang sahih. Oleh yang demikian, menjadi suatu kewajipan untuk mengumpul dan memahami hadis-hadis sahih yang berkaitan dengan topik yang dibawa oleh ayat-ayat al-Quran al-karim.
- vi. Meraikan struktur dan susunan ayat-ayat al-Quran al-karim yang berkaitan dengan mana-mana perbincangan kejadian alam tabii tanpa menjelaskan kedudukan susun atur nas yang sebelum dan selepasnya, kerana antara sifat al-Quran itu adalah mendatangkan perbincangan alam tabii secara bersusur galur dan mempunyai kaitan antara satu sama lain.
- vii. Meraikan kaedah yang mashur dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran iaitu,

العبرة بعموم النّفْظ لَا بِخُصُوصِ السببِ

“Sesuatu pengajaran atau pegangan tertakluk kepada lafaz yang umum bukannya berlandaskan sebab-sebab yang khusus”

- ix. Menjauhi cubaan membataskan sesuatu kehendak ayat-ayat al-Quran dengan fakta-fakta saintifik tertentu sahaja, kerana al-Quran adalah kalam Allah SWT dan ilmu Allah SWT adalah mutlak dan sempurna serta mencakupi segala ilmu.
- x. Memelihara daripada terpengaruh dengan kaedah-kaedah kajian yang terlalu terperinci dalam usaha memadankan ayat-ayat al-Quran dengan fakta-fakta saintifik seumpama formula-formula dalam matematik, rumusan-rumusan ilmu kimia dan sebagainya.
- xi. Menjauhi perbincangan tentang perkara-perkara ghaib yang luar daripada kemampuan akal manusia umpamanya hakikat zat Allah SWT, hakikat roh, malaikat, Jin, kehidupan di alam barzakh dan seumpamanya. Cukuplah sekadar berpegang

pada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. tentang perkara tersebut atas dasar tanda keimanan manusia dengan kitab Allah SWT dan sunnah rasul-Nya serta kelemahan manusia untuk memahami perkara-perkara ghaib.

- xii. Menyakini bahawa suasana dan undang-undang kehidupan akhirat sangat berbeza dan tidak tertakluk dengan suasana dan peraturan kehidupan di dunia. Walaupun fenomena-fenomena alam menunjukkan bukti tentang dunia ini tidak akan kekal, namun tanda-tanda yang ditunjukkan tidak memungkinkan penentu bilakah akan berlakunya hari kiamat keranalah ini adalah di antara perkara-perkara yang ghaib yang tidak diketahui oleh manusia.
- xiii. Meletakkan keyakinan bahawa kebenaran penemuan saintifik oleh para pengkaji tidak terbatas atau berakhir pada zaman-zaman tertentu, kerana penemuan dan perbincangan baru akan berlaku daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Walaupun kebenaran telah terbuktikan tetapi perbincangan tentang perkara tersebut sentiasa berkembang kerana kebenaran yang dibuktikan oleh seseorang pengkaji hanyalah sebahagian kecil daripada hakikat sebenarnya. Perkara ini harus menjadi kesedaran dan diambil berat oleh setiap mufassir.
- xiv. Memiliki pengetahuan dalam membezakan antara bukti yang datang daripada nas al-Quran sendiri dengan bukti yang datang daripada fakta-fakta luaran. Di samping itu, mufassir perlu menitik beratkan proses pemerhatian yang terperinci terhadap setiap bukti luaran yang hendak dikaitkan dengan ayat-ayat al-Quran tersebut dalam proses tafsir.
- xv. Meletakkan kepastian terhadap penemuan fakta-fakta saintifik yang selari dengan ayat-ayat al-Quran tertentu adalah sekadar usaha untuk menambah kefahaman terhadap ayat tersebut dan bukanlah sesuatu perkara yang muktamad yang tidak boleh diubah lagi.
- xvi. Meletakkan keyakinan bahawa nas al-Quran al-karim yang dimaksudkan bersesuaian dengan fakta-fakta ilmiah yang dikaitkan dan dalam masa yang sama tidak menafikan sifat majazi (kiasan) yang terkandung dalam maksudnya. Seperti ayat-ayat al-Quran yang berada pada kedudukan pada sifat al-tashbih (perumpamaan) dan al-majaz (kiasan) hendaklah dikenalkan sifat tersebut sebagaimana asal walaupun ada nilai saintifik yang boleh dikaitkan padanya.
- xvii. Meletakkan pegangan bahawa padanan penemuan fakta-fakta saintifik pada ayat-ayat al-Quran al-karim yang berkaitan bukanlah membuktikan hakikat kejadian sebenar kejadian alam tabii ini, melainkan terdapat kekuasaan yang Agung di sebalik penciptaannya. Sandaran keyakinan itu atas dasar keimanan terhadap ayat-ayat al-Quran tersebut adalah hak milik pencipta yang bersifat Rabbani dan kemulian cahaya hidayah padaNya.
- xviii. Tidak memperlekeh usaha yang telah dibuat oleh para ulama yang terdahulu dalam menyingkap maksud ayat-ayat yang berkaitan dengan alam tabii sesuai dengan perkembangan ilmu pada zaman tersebut. Ini adalah kerana ayat-ayat tersebut membawa makna yang luas sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan dalam

peredaran zaman. Ini merupakan perkara yang utama perlu dipelihara dalam konteks memahami mukjizat di dalam al-Quran.

- xix. Keperluan membezakan antara permasalahan mukjizat saintifik dengan pentafsiran saintifik kerana mukjizat saintifik adalah satu usaha membuktikan keagungan ayat-ayat al-Quran yang menceritakan tentang perkara-perkara saintifik dan berkaitan dengan alam tabii mendahului kecanggihan teknologi dan kepintaran manusia. Tafsir saintifik pula adalah usaha-usaha ilmuwan Islam menjelaskan ayat-ayat al-Quran dan mengaitkan dengan ilmu-ilmu tertentu.
- xx. Mengukuhkan keyakinan terhadap kesahihan yang terkandung pada petunjuk ayat-ayat al-Quran al-karim. Hakikat al-Quran itu adalah milik Allah SWT yang terpelihara semenjak 1400 tahun yang lalu sehingga waktu yang dikehendakiNya. Justeru, adalah sesuatu yang mustahil, fakta-fakta saintifik yang diperolehi itu boleh bertembung dengan hakikat kebenaran al-Quran. Sekiranya ini berlaku, maka kepincangan itu adalah hasil daripada kelemahan penemuan fakta-fakta tersebut atau pun kelemahan pemahaman manusia terhadap nas al-Quran tersebut.
- xxi. Menjadi suatu kewajipan ke atas ilmuwan Islam bersungguh-sungguh dalam sebarang usaha yang berhubung dengan kitab Allah SWT serta mengikhaskan niat dan menjauhi daripada sebarang objektif yang terpesong daripada matlamat yang murni.

Daripada penjelasan tentang prinsip-prinsip di atas, jelaslah bahawa pentafsiran al-Quran tidak boleh dilakukan sewenangnya. Dalam hal ini, tafsiran yang dilakukan oleh mereka yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh seorang mufassir, yang mengikut hawa nafsu, yang bertujuan membenar sesuatu mazhab atau ideologi palsu adalah termasuk dalam tafsir yang dikeji (al-i'jaz al Mazmum) (al-Ghubashi, 1391H).

RUMUSAN

Metode al-I'jaz al-I'lmi adalah salah satu daripada pendekatn dalam usaha memperjelaskan dan mentafsirkan ayat -ayat al-kawniyyah di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini, walaupun dilihat pada fungsi kandungannya sebagai pembawa hidayah pada zahirnya namun pada waktu yang sama, peranan ayat-ayat ini menyeru kepada kajian dan pemerhatian pada maknanya tersurat. Menolak tafsiran al-Quran berdasarkan pendekatan ini dengan berpandangan bahawa ia tidak terdapat pada zaman Rasulullah SAW dan Sahabatnya adalah tidak tepat kerana metode al-i'jaz al-i'lmi ini termasuk dalam skop mentafsirkan al-Quran dengan tafsiran bi al-ra'y yang telah sepakat penerimaannya oleh para ulama tafsir. Sesungguhnya metode al-i'jaz al-i'lmi telah lahir pada zaman para Sahabat tetapi tidak begitu menyerlah. Ini jelas kerana tafsiran kepada ayat-ayat al-kawniyyah ini tidak banyak ditafsirkan oleh para Sahabat sendiri berbanding dengan ayat-ayat yang memperkatakan tentang akidah dan hukum hakam. Apa yang jelas tafsiran ini mula berkembang pada masa zaman keemasan Abbasiyah iaitu lebih kurang kurun ke 5 Hijrah dan berkembang dengan pesat menjadi satu daripada aliran tafsir pada kurun ke 14 hijrah sehingga sekarang. Tafsiran yang berpandukan pada metode ini terhadap ayat-ayat al-kawniyyah jika tidak diletakkan atau diselarikan dengan kaedah, prinsip dan syarat-syaratnya bagi mentafsirkannya sudah tentu akan membuka pintu seluas-luasnya bagi mereka yang bukan ahli dan tiada kelayakkkan untuk mentafsirkannya.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Pasya. 2004. Dimensi Sains Al Quran. Terjemahan daripada buku Rahiq al-I'lmi wa Al-Iman. Solo: Penerbit Tiga Serangkai.
- al-Razi, Fakhr al-Din. t.th. al-Tafsir al-Kabir. Mesir: Maṭba'ah al-Bahiyyah al-Miṣriyyah.
- Al-Shatibi, Abu Ishak b. Musa. t.t. Al-Muwafaqat. Juz. 2. Kaherah. Al-Maktabah al-Tijariyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. t.t. Al-Itqan Fi 'Ulum al-Quran. Beirut. Dar al-Fikr.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-Azim. 1988. Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur. 1975. al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-A'lam. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Mazlan Ibrahim. 2002. Sejarah & Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy. Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Md Nor Abdullah. 2009. Haiwan di dalam al-Quran al-Karim: Tinjauan Aspek Etimologi Bahasa dan Mukjizat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hasan Haitu. 2001. Al-Mu'jizat al-Quraniyyah al-I'jaz al-I'lmi wa al-Ghayi. Mu'asasah al-Risalah.
- Muhammad Kamil Abdushshamad. 2002. Mukjizat Ilmiah Di dalam al-Quran. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.
- Nanang Wahyudi Alied H. 2009. Kitab (Al-Quran) Ini Tidak Ada Keraguan Padanya; Petunjuk Bagi Mereka Yang Bertakwa.Di dalam Mukjizat Ilmiah di dalam Al Qur'an. Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.
- Rida, Muhammad Rashid. t.th. Tafsir al-Manar. Juz.1 & 2. Mesir: Maktabah al-Qaherah.
- Saleh, Subhi. 1970. Mabahith Fi 'Ulum al-Quran. cet. 1. Beirut. Dār al-I'lmi li al-Malayin.
- Shaltut, Mahmud. 1941. Majalah al-Risalah. Di dalam al-Zahabi Muhammad Husin. 1976. Al-Tafsir wa al-Mufassirun. Cet.2. Tanpa Penerbit.
- Sulaiman Noordin. 1995. Beberapa Fenomena biologi Dan Hubungannya Dengan Wahyu.Seminar al-Quran dan Isu-isu Semasa.Kertas kerja tidak diterbitkan. Anjuran: Fakulti Pengajian Islam& Jabatan Sejarah dan Falsafah UKM.
- Wan Muhammad Ali. 2000. Islam & Fitnah Modernisasi. Kuala Lumpur.Pustaka Syuhada.
- Zaghul al-Najjar. 2009. Madkhāl Ila Dirasah al-I'jaz al-I'lmi Fi al-Quran al-Karim Wa al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Mutharrah. Beirut-Lubnan : Dar al-Ma'rifah.